

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 28 November 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, OKTOBER 2024

Harga eksport dan import Malaysia masing-masing merosot 1.0 peratus dan 0.7 peratus pada Oktober 2024 disumbangkan terutamanya oleh minyak galian.

PUTRAJAYA, 28 NOVEMBER 2024 – Harga eksport Malaysia pada Oktober 2024 jatuh 1.0 peratus daripada 149.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 147.8 mata. Begitu juga, harga import turun 0.7 peratus daripada 127.1 mata kepada 126.3 mata manakala terma perdagangan Malaysia susut 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 117.1 mata pada Oktober 2024, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), OKTOBER 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport jatuh 1.0 peratus pada Oktober 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.2%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.8%) dan bahan kimia (-0.7%). Namun begitu, indeks volum eksport naik 4.7 peratus selaras dengan kenaikan indeks minyak galian (+19.7%), pelbagai barang keluaran kilang (+7.6%) dan barang-barang keluaran kilang (+6.2%).


Indeks volum eksport pelarasan bermusim berkembang 7.0 peratus daripada 146.7 mata kepada 156.9 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing meningkat 1.0 peratus dan 0.6 peratus.

Indeks nilai seunit import turun 0.7 peratus pada Oktober 2024, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-4.5%), bahan kimia (-0.5%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.4%). Indeks volum import meningkat 5.5 peratus pada Oktober 2024 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks bahan kimia (+8.0%), barang-barang keluaran kilang (+7.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+5.1%). Indeks volum import pelarasan bermusim melonjak 7.8 peratus daripada 187.3 mata kepada 201.8 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 3.8 peratus dan indeks volum bertambah 6.7 peratus.

Begitu juga, terma perdagangan Malaysia menguncup 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 117.1 mata pada Oktober 2024, didorong oleh penguncupan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.7%) dan bahan kimia (-0.2%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 5.0 peratus daripada 111.5 mata pada Oktober tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – Oktober 2024**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 NOVEMBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, November 28th 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA, OCTOBER 2024

Malaysia's export and import prices edged down by 1.0 per cent and 0.7 per cent in October 2024, respectively mainly contributed by mineral fuels.

PUTRAJAYA, NOVEMBER 28, 2024 – Malaysia's export prices in October 2024 slipped by 1.0 per cent from 149.3 points in the previous month to 147.8 points. Likewise, import prices fell 0.7 per cent to 127.1 points, while Malaysia's terms of trade down 0.3 per cent month-on-month to 117.1 points in October 2024 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), OCTOBER 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that the export unit value index fell by 1.0 per cent in October 2024 as compared to the previous month. This decrease was primarily driven by declines in the indices of mineral fuels (-4.2%), machinery & transport equipment (-0.8%) and chemicals (-0.7%). However, the export volume index rose by 4.7 per cent in line with the increase in the index of mineral fuels (+19.7%), miscellaneous manufactured articles (+7.6%) and manufactured goods (+6.2%). The seasonally adjusted export volume index expanded by 7.0 per cent from 146.7 points to 156.9 points. Referring to the annual comparison, the unit value index and volume index up by 1.0 per cent and 0.6 per cent, respectively.

The index of mineral fuels (-4.5%), chemicals (-0.5%) and manufactured goods (-0.4%) all contributed to a 0.7% decrease in the import unit value index in October 2024. The import volume index up by 5.5 per cent in October 2024 as compared to the previous month, contributed by the increase in the index of chemicals (+8.0%), manufactured goods (+7.3%) and machinery & transport equipment (+5.1%). The seasonally adjusted import volume index grew by 7.8 per cent from 187.3 points to 201.8 points. A year-on-year comparison showed that the unit value index down by 3.8 per cent and volume index up by 6.7 per cent.

Likewise, Malaysia's terms of trade contract decreased 0.3 per cent month-on-month to 117.1 points in October 2024, driven by the declined in the index of machinery & transport equipment (-0.7%) and chemicals (-0.2%). Meanwhile, Malaysia's terms of trade climbed 5.0 per cent year-on-year from 111.5 points in October previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – October 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN
MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28 NOVEMBER 2024